

JABATAN KEHAKIMAN,
MAHKAMAH TINGGI,
BANJUNAN SULTAN ABDUL SAMAD
JALAN RAJA,
50050 KUALA LUMPUR.

Bil: (15)dlm.JK/IP 38 Vol.III
Tarikh: 2 Februari, 1989.

Y.A. Hakim-Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman,
Mahkamah Tinggi,
KUALA LUMPUR.

Semua Penolong Kanan Pendaftar,
Mahkamah Tinggi,
KUALA LUMPUR.



Yang Arif/Tuan/Puan,

Dalam Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur
Arahan Amalan No. 1 Tahun 1989.

Yang Amat Arif Hakim Besar Malaya dengan ini mengarahkan bahawa mulai daripada 1 Februari, 1989 MAHKAMAH TINGGI di KUALA LUMPUR disusun semula menurut ke BAHAGIAN-BAHAGIAN berikut:-

- a) Bahagian Sivil.
- b) Bahagian Perdagangan.
- c) Bahagian Rayuan/Perkara-Perkara Pelbagai.
- d) Bahagian Jenayah.

Tiap-tiap bahagian mempunyai Pejabat Pendaftaran di mana seorang Penolong Kanan Pendaftar ditugaskan bagi tiap-tiap seorang Hakim. Seorang Penolong Kanan Pendaftar, Tingkatan Biasa telah juga ditempatkan di Bahagian Am Pejabat Pendaftaran Bahagian Perdagangan dan juga seorang Penolong Kanan Pendaftar Tingkatan Biasa di Bahagian Am Pejabat Pendaftaran Bahagian Sivil bersama Bahagian Rayuan untuk menguruskan semua urusan pejabat masing-masing. Tugas-tugas mereka adalah seperti yang dikembarkan bersama-sama ini.

2. Yang Amat Arif Hakim Besar Malaya akan membicarakan perkara-perkara di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976 yang boleh didengar oleh Yang Amat Arif Hakim Besar sendiri termasuk perlantikan di bawah seksyen-seksyen 102(2) dan 107(4).

3. Hal-perkara tiap-tiap BAHAGIAN adalah seperti berikut:-

3.1. BAHAGIAN SIVIL.

Bahagian ini di bawah penyeliaan Y.A. Hakim Abdul Razak bin Datuk Abu Samah.

3.1.1. Perujukan

a) Akta Pengambilan Tanah 1960.

3.1.2. Pentadbiran Harta Pusaka.

a) Surat Kuasa Mentadbir.

b) Anggapan Kematian.

c) Probet.

d) Wasiat.

3.1.3. Kontrak.

a) Mungkir Janji Perkahwinan.

b) Kontrak Bangunan/Kejuruteraan.

c) Kontrak bagi Perkhidmatan.

d) Kontrak Perkhidmatan.

e) Perjanjian Jual Beli Tanah/Bangunan.

3.1.4. Undang-Undang Keluarga.

a) Pengangkatan.

b) Jagaan Budak.

- c) Perceraian.
- d) Penjagaan Budak.
- e) Nafkah Isteri dan anak dan Relif Sampingan Lain.
- f) Guaman Suami Isteri.
- g) Pembatalan Perkahwinan.

3.1.5. Tuan Tanah dan Penyewaan.

- a) Akta Distres 1951.
- b) Perjanjian Penyewaan.

3.1.6. Kanun Tanah Negara.

- a) Kaveat.
- b) Pajakan.
- c) Halangtebus.
- d) Perkara lain yang timbul di bawah Akta.

3.1.7. Hasil.

- a) Tuntutan Cukai Pendapatan.
- b) Tuntutan Hasil yang lain.

3.1.8. Tort.

- a) Fitnah.
- b) Kemalangan Perusahaan.
- c) Kecuaian.
- d) Tuntutan Kecederaan Diri
- e) Pelanggaran.
- f) Pampasan Pekerja.

3.1.9. Amanah.

- a) Akta Pemegang Amanah 1949
- b) Akta Pertubuhan 1966 - Pelupusan Harta.

(Perhatian - mana-mana perkara yang tidak disenaraikan di Bahagian Sivil hendaklah difailkan di Bahagian Perdagangan).

3.2. BAHAGIAN PERDAGANGAN.

Bahagian ini di bawah penyeliaan Y.A. Hakim Dato' Anuar bin Dato' Zainal Abidin.

3.2.1. Admiralti (in rem dan in personam)

- a) Bil Muatan.
- b) Pengangkutan Barangan Melalui
Laut/Udara.
- c) Pelanggaran di laut.
- d) Perkapalan Dagang.

3.2.2. Urusan Bank

- a) Bil Pertukaran.
- b) Bil Jualan.
- c) Surat Kredit.
- d) Suratcara Boleh Niaga.

3.2.3. Kebankrapan.

3.2.4. Pendaftaran Perniagaan.

3.2.5. Akta Syarikat 1965

- a) Penggulungan Syarikat.
- b) Debentur.
- c) Saham dan Syer.

3.2.6. Kontrak.

- a) Agensi.

3.2.7. Kewangan

- a) Keesahan Syarikat.
- b) Akta Penghutang 1957
- c) Pemfaktoran (Factoring)
- d) Sewa - beli.
- e) Pemajakan.
- f) Pinjam Meminjam Wang.

3.2.8. Insurans.

3.2.9. Harta Intelektual.

- a) Nama Perdagangan dan Perihal.
- b) Hakcipta.
- c) Rekabentuk Perindustrian.
- d) Paten.
- e) Tanda Perkhidmatan.
- f) Akta Perihal Dagangan 1972
- g) Tanda Niaga.

3.2.10. Undang-Undang Kelautan.

3.2.11. Perkongasian.

3.2.12. Jualan Barangan.

3.3. BAHAGIAN RAYUAN/PERKARA-PERKARA PELBAGAI.

Bahagian ini di bawah penyeliaan Y.A. Dato' Hj. Mohd. Eusoff bin Chin.

3.3.1. Perkara-perkara berikut di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976:-

- a) Permohonan semasa Pelatihan (penerimaan masuk jangka masa pendek).
- b) Petisyen Penerimaan Masuk dan Pendaftaran sebagai seorang Peguambela dan Penguamcara.

3.3.2. Undang-Undang Pentadbiran termasuk -

- a) Certionari (Perintah 53, Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980).
- b) Injunksi oleh/terhadap pertubuhan dan lain-lain organisasi.
- c) Mandamus (Perintah 53, Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980).
- d) Larangan (Perintah 53, Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980).
- e) Mahkamah Perusahaan.

3.3.3. Rayuan daripada Badan Berkanun (Perintah 55, Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 termasuk -

- a) Akta Kerja 1955.
- b) Kerajaan Tempatan (Akta 171).
- c) Kanun Tanah Negara (seksyen 418).
- d) Ordinan Setem 1949.
- e) Rayuan Cukai.
- f) Enakmen Lembaga Bandaran (Bab 137)
- g) Tanda Niaga (Akta 175).

3.3.4. Akta Timbangtara 1952

3.3.5. Rayuan Sivil daripada Mahkamah Rendah (Perintah 55, Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980).

- a) Mahkamah Majistret,
- b) Mahkamah Sesyen.

3.3.6. a) Penghakiman Perisytiharan.

- b) Tafsiran Statut, suratcara.

3.3.7. Ordinan Surat Kuasa Wakil 1949.

3.4. BAHAGIAN JENAYAH

Bahagian ini di bawah penyeliaan Y.A. Hakim Dato' Hj. Wan Mohamed bin Hj. Wan Mustapha.

3.4.1 Mahkamah Tinggi No. 1

(Y.A. Dato' Hj. Wan Mohamed)

- a) Perbicaraan Jenayah Wilayah Persekutuan.
- b) Permohonan habeas corpus dari Wilayah Persekutuan.
- c) Rayuan-rayuan, Penyemakan-penyemakan dan Permohonan-permohonan Jenayah dari Mahkamah Sesyen Wilayah Persekutuan.
- d) Penyata Mahkamah-mahkamah Sesyen Wilayah Persekutuan.

3.4.2 Mahkamah Tinggi No. 2

(Y.A. Tuan Hakim Shaik Daud)

- a) Perbicaraan Jenayah Wilayah Persekutuan.
- b) Rayuan-rayuan, Penyemakan-penyemakan, Permohonan-permohonan Jenayah dari Mahkamah-mahkamah Majistret Wilayah Persekutuan.
- c) Penyata Mahkamah-mahkamah Majistret Wilayah Persekutuan.

3.4.3. Mahkamah Tinggi No. 3

(Y.A. Tuan Faiza b. Hj. Tamby Chik.

Perbicaraan-perbicaraan Jenayah Wilayah Persekutuan.

...8/-

4. PEMFAILAN.

Semua dokumen yang difailkan di Pejabat Pendaftaran hendaklah mengenalpastikan Bahagian di mana perkara berkenaan akan diuruskan, misalnya: _____

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR.

(Bahagian Perdagangan)

5. NOMBOR KES.

Menomborkan kes bagi Bahagian berkenaan hendaklah didahului dengan Nombor Mahkamah, oleh itu -

a) Rayuan dan Perkara-perkara Pelbagai.

- Mahkamah No: R8

b) Sivill

- Mahkamah No. S5; S6; S7

c) Perdagangan

- Mahkamah No. D1; D2; D3; D4.

* (R - Rayuan; S - Sivill; D - Dagang)

6. SENARAI GUAMAN (CAUSE LISTS)

Tiap-tiap Bahagian hendaklah menyediakan Senarai-Senarai Guaman yang berikut:-

(a) Senarai Guaman ringkasan (tidak melebihi dua jam)

(b) Senarai Guaman Perbicaraan Awal; dan

(c) Senarai Guaman Panjang.

...9/-

7. Adalah menjadi kewajiban Peguam untuk memasukkan suatu Guaman untuk perbicaraan ke dalam salah satu Senarai Guaman dan di situ menyebutkan bahawa -

- (a) i) Ikatan Pliding
- ii) Ikatan Dokumen yang Dipersetujui (jika ada);
dan
- iii) Fakta-fakta yang dipersetujui (jika ada)
telah difailkan.

(b) Tempoh masa perbicaraan yang dianggarkan. Jika perenggan-perenggan kecil (a) dan (b) telah dipatuhi, Penolong Kanan Pendaftar hendaklah memasukkan kes yang berkenaan ke dalam Senarai Guaman yang sewajarnya.

8. HARI PENETAPAN PERBICARAAN.

Hari Penetapan Perbicaraan hendaklah diadakan menurut budi bicara Hakim tetapi hendaklah tidak kurang daripada sekali dalam masa setiap empat bulan.

9. NOTIS PERBICARAAN.

Penolong Kanan Pendaftar hendaklah mengeluarkan Notis-Notis Perbicaraan berkenaan dengan perkara-perkara di dalam -

- a) Senarai Guaman Ringkas sebagaimana dan apabila ia dimasukkan ke dalam Senarai; dan
- b) Senarai Guaman Perbicaraan Awal dan Senarai Guaman Panjang selepas setiap Hari Penetapan Perbicaraan.

Setelah menerima Notis Perbicaraan, Peguam adalah dikehendaki memberitahu Penolong Kanan Pendaftar dalam tempoh lima hari mengenai apa-apa permohonan untuk penangguhan atas sebab yang munasabah, supaya tarikh-tarikh yang dikosongkan boleh digantikan dengan kes-kes lain di dalam Senarai Guaman.

10. PENOLONG KANAN PENDAFTAR.

Semua perkara berhubung dengan Bahagian bermula daripada Pemfailan hingga Penghakiman hendaklah diuruskan oleh Bahagian (atau Seksyen) berkenaan. Semua kes dalam kamar yang akan didengar oleh Penolong Kanan Pendaftar, hendaklah didengar oleh Penolong Kanan Pendaftar Bahagian (atau Seksyen) berkenaan pada setiap hari kerja daripada hari Isnin hingga hari Jumaat dan rayuan-rayuan terhadap keputusannya akan didengar oleh Hakim yang di bawahnya Penolong Kanan Pendaftar itu telah ditugaskan.

11. PENETAPAN KOS DAN PELAKSANAAN.

Penetapan Kos dan Permohonan untuk Pelaksanaan bagi semua Bahagian hendaklah diuruskan oleh Timbalan Pendaftar. Semasa ketiadaan Timbalan Pendaftar, perkara-perkara sedemikian boleh didengar oleh Penolong Kanan Pendaftar Bahagian (atau Seksyen) berkenaan.

Arahan terdahulu dari ini adalah dibatalkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(ZAINAL ABIDIN BIN MOHD. WAZIR)

Pendaftar,
Mahkamah Tinggi Malaya,
Kuala Lumpur.

s.k.

- 1) Y.A.A. Ketua Hakim Negara Malaysia.
- 2) Y.A.A. Hakim Besar Borneo untuk makluman.
- 3) Y.A. Hakim-Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Malaya.
- 4) Y.B. Peguam Negara Malaysia.
- 5) Ketua Pendaftar, Jabatan Kehakiman Malaysia.
- 6) Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri, Semenanjung Malaysia.
- 7) Pegawai Biro Terjemahan Mahkamah Agung Kuala Lumpur.
- 8) Hakim, Mahkamah Sesyen, Semenanjung Malaysia.
- 9) Timbalan Pendaftar, Mahkamah Tinggi, K. Lumpur.
- 10) Majistret, Mahkamah Majistret, Semenanjung Malaysia.
- 11) Pengerusi, Majlis Peguam Malaysia.
- 12) Setiausaha Kehormat, Jawatankuasa Peguam Tempatan, Semenanjung Malaysia.
- 13) Managing Editor, Malayan Law Journal, 3, Shenton Way # 14-03, Shenton House, Singapore 0106.
- 14) Managing Editor, Current Law Journal, Malaysian Law Publishers, No. 20, Jalan 1/87E, Brickfields, K. Lumpur.
- 15) Perpustakaan, Mahkamah Agung, K. Lumpur.